

Sekolah Lestari Wujudkan Suasana Kondusif



LABUAN, 21 Nov – Pelancaran Program Sekolah Lestari di Sekolah Kebangsaan Pekan II Wilayah Persekutuan Labuan, diharapkan bukan sahaja dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif di dalam kelas mahupun di luar kelas bahkan pada masa yang sama juga mendidik pelajar untuk mencintai alam sekitar.

Menurut Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pekan II, Jaafar Matusin pada Majlis Pelancaran Program Sekolah Lestari Sekolah Kebangsaan Pekan II, di sini pagi tadi, setelah Program Sekolah Lestari dicetuskan semasa Simposium Pendidikan Alam Sekitar bagi Pengetua-Pengetua Sekolah Peringkat Kebangsaan anjuran Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Pendidikan pada 2001 telah mengalakkan sekolah-sekolah membudayakan pendidikan alam sekitar melalui penerapan nilai-nilai murni alam sekitar dalam pelbagai aspek.

ekJaafar
ol
ah
in
i
me
ru
pa
ka
n
se
ko
la
h
ke
em
pa
t
me
la
ks
an
ak
an
Pr
og
ra
m
Se
ko
la
h
Le
st
ar
i
di

La
bu
an
ha
si
l
ke
rj
as
am
a
St
ra
te
gi
La
ut
an
Bi
ru
an
ta
ra
Ja
ba
ta
n
Pe
nd
id
ik
an
La
bu
an
,

ba
ta
n
Al
am
Se
ki
ta
r
La
bu
an
,

Pe
rb
ad
an
an
La
bu
an
be
rs
am
a -
sa
ma
de
ng
an
fi
rm
a
sw
as
ta
Re

ps
ol
oi
l
an
d
Ga
s
Ma
la
ys
ia
Li
mi
te
d.

"Sumbangan sebanyak RM 10 ribu oleh Syarikat Repsol Oil and Gas Malaysia Limited kepada sekolah ini akan dimanfaatkan untuk mengadakan stesen-stesen pendidikan di kawasan sekolah untuk memberi pendidikan kepada para pelajar sekolah di samping mengadakan program bersama Jabatan Alam Sekitar Labuan bersama para ibu bapa pelajar bagi memupuk kesedaran untuk menjaga alam sekitar," ujar Jaafar lagi.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Labuan, Amir Hamzah Musa berkata pihaknya sentiasa menyokong sebarang inisiatif untuk memberi kesedaran alam sekitar.

"Pihak kami juga akan memperkenalkan Anugerah Sekolah Rakan Sekitar bagi memberi pengiktirafan kepada sekolah yang menunjukkan kecemerlangan dalam memberi kesedaran alam sekitar kepada warga sekolah.

"Anugerah seumpama ini sudah dilaksanakan di Sabah dan Sarawak sejak 2003 lagi untuk memberi galakan kepada pihak sekolah dan pelajar untuk menyokong dan cinta akan

alam sekitar," jelasnya.

Dalam pada itu, wakil pengurusan Repsol Oil & Gas Malaysia Limited, Datuk Eddie Abdullah, walaupun syarikatnya memberi tumpuan kepada mengembangkan perniagaan, namun tanggungjawab kepada masyarakat dan komuniti setempat tetap diambil perhatian agar menjadi warga korporat yang prihatin.

"Kami bekerjasama dengan agensi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan atau NGO untuk menganjur dan menaja program-program kemasyarakatan dengan tujuan bagi menggalakkan perubahan, dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat tempatan.

"Tahun ini merupakan kali keempat syarikat tersebut bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pendidikan di Labuan ini di dalam penajaan program yang bertujuan untuk mempromosi dan membimbing murid-murid sekolah rendah dan menengah ke arah kesedaran kepentingan menjaga alam sekitar," tambah Eddie lagi.

Sumber Berita : Penerangan Labuan

**Anugerah Teknologi
Pendidikan WP Labuan 2017**



Labuan, 23 Nov : Majlis Anugerah Teknologi Pendidikan WP Labuan 2017 telah diadakan bertempat di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, WP Labuan yang telah disempurnakan oleh Puan Maimoon bt Hj Matnoh, Ketua Sektor, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan WP Labuan.

Majlis ini diadakan bagi menghargai sumbangan warga pendidikan dalam bidang teknologi pendidikan dan mengiktiraf segala bentuk pencapaian sekolah berkaitan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Puan Maimoon berkata, semua warga pendidikan terutama kepada pentadbir sekolah, Guru Penyelaras Bestari dan ICT, Guru Perpustakaan dan Media, Juruteknik Komputer sekolah harus memainkan peranan penting dan sentiasa memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan ICT dapat dimanfaatkan sepenuhnya terutama dalam bidang pembelajaran di sekolah.

Pelbagai anugerah telah disampaikan, antaranya adalah Anugerah Digital Story Telling, Pengurusan Data dan Maklumat Sekolah, Anugerah Laman Web, Ikon Guru Data, Guru Penyelaras Bestari/ICT, Guru Perpustakaan dan Media, Anugerah Juruteknik Komputer, Anugerah Pengurusan Nilam,

Anugerah VLE, Anugerah Pembestarian Sekolah dan Anugerah Kelab Komputer Penggerak Digital.

Pencapaian keseluruhan pembestarian sekolah bagi tahun 2017 sekolah-sekolah di Labuan telah mencapai 100% melalui pengiktirafan Smart school Qualification Standard (SSQS) iaitu pencapaian sekurang-kurangnya 3 bintang.

Turut hadir Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, Encik Ag Marten Abdul Rahman, Ketua Sektor, Sektor Pengurusan Maklumat JPWPL, Encik Samsudin Yalla, Ketua-ketua Sektor, para Pengetua dan Guru Besar Sekolah.

Gotong Royong Perdana SK Sungai Lada



LABUAN – Pada 23 November yang lalu Sk Sungai Lada telah menganjurkan gotong royong perdana. Gotong royong ini melibatkan semua guru, pegawai kumpulan pelaksana, dan murid-murid tahap 2. Aktiviti gotong royong ini telah berlangsung dari jam 7.00 pagi hingga 9.00 pagi. Aktiviti dimulai dengan taklimat daripada Guru Penolong Kanan HEM, En Esmit bin Amat kepada semua murid berkenaan pembahagian tugas yang diberikan. Seterusnya setiap murid bergerak ke bahagian masing-masing.

Gotong royong ini melibatkan pembersihan kawasan kelas untuk persiapan tahun 2018, stor dan bilik-bilik khas, kawasan dewan serta kawasan bilik guru. Aktiviti ini dijalankan bertujuan untuk mempersiapkan kawasan sekolah menjelang tahun 2018 serta mengemas kini bilik-bilik khas yang akan diguna semula pada Tahun 2018. Aktiviti ini juga dapat memupuk semangat kerjasama dan tolong menolong di antara murid, guru dan warga SKSL. Murid-murid juga dapat dididik untuk bertanggungjawab terhadap kemudahan sekolah yang telah disediakan dan bersama-sama menjaga

kemudahan yang diberikan.



Setelah selesai aktiviti gotong royong, murid Tahun 6 bersedia untuk mengambil keputusan UPSR pada jam 12.00 tengah hari bersama-sama ibu bapa masing-masing.

Majlis Makan Malam Gemilang SEMELA 2017 dan Majlis Jasamu Dikenang



Labuan : Warga pendidik dan kakitangan sokongan SMK Lajau gembira apabila satu Majlis Makan Malam Gemilang diadakan pada 17 November 2017 yang bertempat di Alfresco, Hotel Tiara, Labuan.

Majlis anjuran Kelab Guru dan Kakitangan (KRAF) SMK Lajau yang bertemakan “Hawaii Sebiru SEMELA” itu diadakan bagimenghargai dan mengiktiraf kecemerlangan para guru dan staf sokongan sekolah sepanjang tahun 2017. Turut diraikan Majlis Jasamu Dikenang Encik Matnor Bin Daud yang akan berpindah keluar dan bertugas sebagai Penolong Kanan HEM di SM St Anne, Labuan.

Encik Mohd Jamatin Abd Latip, selaku Pengetua SMK Lajau menyempurnakan majlis yang turut dihadiri oleh Barisan Pentadbir SMK Lajau, SIP+ Encik Yusup Mohamad yang merupakan mantan pengetua. Encik Mohd Jamatin dalam ucapannya menyambut baik aktiviti dan program seperti itu kerana dapat memberi penghargaan kepada para guru dan kakitangan sokongan yang saling berganding bahu dalam

menyokong semua program dan aktiviti yang dianjurkan pihak sekolah sepanjang tahun ini.



Penyampaian Sijil Penghargaan Staff Of The Month oleh Pengetua, En.Mohd Jamatin

Encik Muhd Hisyam Assim, Pengurus KRAF 2017 dalam ucapannya turut mengucapkan jutaan terima kasih atas kesungguhan guru-guru dan kerjasama daripada kakitangan sokongan sekolah kerana telah bertungkus lumus sepanjang tahun dalam menjayakan beberapa majlis seperti Sambutan Hari Guru, Majlis Perpisahan Puan Nor Tamah dan Majlis Perpisahan Mantan Pengetua Encik Yusup bin Mohamad.

Majlis Makan Malam Gemilang itu seumpama satu perjumpaan mesra yang lebih mengeratkan silaturahim sesama rakan sekerja selepas sibuk bekerja sepanjang tahun. Beliau turut mengharapkan agar AJK KRAF terus bersemangat menyumbang idea dan bersedia menyumbang keringat untuk tahun akan datang.

Majlis ini juga sebagai malam mengimbas kenangan En.Matnor yang telah menabur bakti menyiram keringat sepanjang berkhidmat di SMK Lajau. Seribu satu kenangan yang tercipta diharap menjadi titipan manis di kemudian hari kepada beliau. Hisyam juga membuktikan hubungan baik dan erat sesama rakan guru telah berjaya mengumpulkan

hadiah dan sumbangan untuk cabutan bertuah yang dijanjikan akan diperolehi oleh semua guru dan staf sokongan SMK Lajau.

Sejurus itu Encik Matnor bin Daud dijemput bagi menyampaikan ucapan ringkas sebagai tanda perpisahan. Antara petikan kata beliau, SMK Lajau adalah antara sekolah yang mempunyai disiplin yang baik, pencapaian murid yang cemerlang dan rakan-rakan kerja yang sangat membantu dalam tugas-tugas sehari-hari sepanjang beliau bertugas di sekolah ini. Majlis diserikan lagi dengan penyampaian hadiah daripada KRAF, Koperasi SMK Lajau Bhd dan Bidang HEM sebagai tanda kenangan dan ingatan kepada beliau.



Penyampaian cenderamata kenangan daripada wakil KRAF SMK Lajau, Encik Muhd Hisyam,
kepada Encik Matnor

Aturcara seterusnya Penyampaian sijil Staff Of The Month dikendalikan oleh AJK KRAF dengan kerjasama Bidang Kemanusiaan, SMK Lajau. Guru-guru dan kakitangan sokongan dinilai melalui beberapa kriteria seperti Kehadiran

Bertugas 100%, Penghantaran BRMG, Kecekapan Memberikan Pekhidmatan, Fail & BRLK Kokurikulum Lengkap, Kehadiran Guru dalam Aktiviti HRHK, Pencapaian Tiga Teratas Pasukan Bimbingan dan Inisiatif dan Kreativiti dalam Menjalankan Tugas.

Turut diraikan Sambutan Hari Lahir bagi guru-guru dan staf sokongan yang lahir pada bulan September, Oktober, November dan Disember. Acara kemuncak yang ditunggu-tunggu iaitu cabutan bertuah. Semasa acara ini KRAF telah menjemput pengetua, Barisan Pentadbir dan Ketua-Ketua Bidang bagi menyempurnakan majlis. Sebanyak 63 cabutan untuk semua guru-guru dan staf yang hadir dan 3 cabutan Hadiah Utama telah dijalankan. Seperti mendapat durian runtuh, Encik Matnor bin Daud telah memenangi Hadiah Cabutan Utama iaitu wang tunai RM300.00.

Majlis gilang gemilang itu telah mendapat sumbangan berbentuk hamper, baucer, dan juga wang ringgit. Antara yang telah memberikan sumbangan adalah, Kelab Guru & kakitangan SMK Lajau (KRAF), Koperasi SMK Lajau Bhd, Syarikat Singer Sukaria Trading, Hotel Tiara Labuan, Syarikat Pirana Jaya Enterprise dan Persatuan Orang-Orang Istimewa Labuan (PBOIL).

Sumbangan turut diperolehi daripada orang perseorangan iaitu, Pn. Fatimah bt Hj. Yahya, En. Jasmi bin Sabtu, Pn. Jamiah bt Hj. Jamadil, Pn. Najiatusy Syahidah bt Ganden Lubis, Pn. Noraini bt Hj. Sabudin, Pn. Maslinda bt Musa, Pn. Mazihan bt Jusop, Pn. Nur Sazela bt Fahruddin, En. Isa bin Sidin, En. Linus @ Hafiz dan Pn. Huzaimah bt Khalid.

Sumber Berita : SMK Lajau



3 pemenang Hawaii Best Dress , Pn. Zurina,
En.Jasmi dan Pn. Jalina

Hari Inovasi Pendidikan W.P Labuan (HIP) Tahun 2017



Labuan, 21 Nov – Majlis Anugerah Inovasi anjuran Jabatan Pendidikan WP Labuan ini telah dirasmikan oleh Pengarah Pendidikan W.P Labuan Encik Raisin Saidin dan bertempat di ruang legar Ujana Kewangan.

Majlis ini merupakan suatu usaha pihak Jabatan Pendidikan untuk membentuk dan membudayakan inovasi dalam kalangan warga pendidikan WP Labuan.

Tema HIP WP Labuan 2017 yang bertemakan, “**Kreativiti dan Inovasi Pemacu Kualiti dan Pemangkin Organisasi Progresif di abad ke 21**”, adalah bersesuaian dengan matlamat PPPM 2013-2025 yang merujuk kepada aspirasi sistem dan aspirasi murid.



Pengurusan Kaunseling Cemerlang – En. Sabdin bin Japaruddin

Dalam ucapan perasmian, Encik Raisin Saidin menyatakan bahawa :

"Inovasi merupakan tindak kerja untuk membina satu perkara/ hasil yang baharu atau membuat satu pembaharuan. Dalam hal ini, sebarang inovasi yang dihasilkan dapat menyemarakkan idea kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah bagi guru serta pengurusan berkesan kepada pemimpin dan pengurus di jabatan dan di sekolah. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 amat menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis dalam usaha meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi atau singkatannya KBAT serta kemahiran STEM bagi mengaktifkan pendidikan abad ke21."

Anugerah Tokoh Inovasi Negeri W.P Labuan bagi Tahun 2017 telah diberikan kepada **Suriani Alland Rice Oxley, Pegawai Sisc+ Jabatan Pendidikan W.P Labuan.**



Suriani Alland Rice Oxley, Pegawai Sisc+ Jabatan Pendidikan W.P Labuan

Antara Anugerah lain yang telah disampaikan pada majlis tersebut ialah :

1. ANUGERAH KHAS KERJASAMA JALINAN NBOS INOVASI DAN

KREATIVITI

2. ANUGERAH KEPIMPINAN KREATIF DAN INOVATIF
3. ANUGERAH ADIWIRA PAK 21 TAHUN 2017
4. ANUGERAH WARGA PENDIDIKAN KREATIF DAN INOVATIF
5. ANUGERAH GALAKAN INOVASI PEMIMPIN DI SEKOLAH
6. ANUGERAH KHAS KREATIVITI GURU SEKOLAH
7. ANUGERAH KUALITI (Q) PENGURUSAN JABATAN
8. ANUGERAH KUALITI (Q) PERKHIDMATAN PENGGUNA TEKNOLOGI
9. ANUGERAH KUALITI (Q) PENGURUSAN KEWANGAN
10. ANUGERAH GURU PEMBIMBING INOVASI SEKOLAH
11. ANUGERAH KHAS SOKONGAN INOVASI



Kumpulan KIK 2017 – SMK Taman Perumahan Bedaun

Program Kesedaran Terhadap Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan(KKP) Di Sekolah – OSHA In School



Labuan, 20 Nov – Satu Ceramah Program KKP di Sekolah untuk pelajar Pendidikan Asas Vokasional (PAV) Tingkatan 1, 2, dan 3 SMK Pantai iB World School, Labuan dan SMK Taman Perumahan Bedaun dan Pelajar Pendidikan Vokasional Menengah Atas SMK Lajau telah diadakan di Restoran PAV SMK Pantai iB World School hari ini 20 November 2017. Ceramah disampaikan oleh Tuan Omar bin Budin dari Unit Pembangunan dan Kejurulatihan, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.

Program dirasmikan oleh Pegawai Ustaz Mohd Syahir bin

Mohd Yusof, Ketua Unit Pendidikan Islam, Pegawai Jabatan Pendidikan W.P Labuan. Beliau memuji usaha SMK Pantai IBWS yang mengadakan program ini serta melibatkan SMKTP Bedaun dan SMK Lajau. Seramai 135 pelajar daripada tiga buah sekolah terlibat dalam program ini.

Perkongsian Tuan Omar Budin amat berguna sebagai asas menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sebagai persediaan apabila memasuki alam pekerjaan kelak.

Disediakan oleh:

SAHAR BIN MISRON
PENGETUA SMKP IBWS

**Special Olympics Labuan
raih Naib Johan
Pertandingan 10th Special
Olympics Borneo Cup**



Labuan : Seramai 5 pelajar Program Pendidikan Khas Integriti (PPKI) Sekolah Menengah Kebangsaan Lajau WP. Labuan telah menyertai dan mewakili Special Olympics Labuan dalam pertandingan 10th Special Olympics Borneo Cup and 1st Unified 5 A-Side Football Tournament 2017 di negara Brunei Darussalam bermula 15hb dan berakhir 19hb November 2017.

Pelajar tersebut ialah Mohd Abri Mohd Salleh, Mohd Al Shadie Mohd Salleh, Mohd Khairi Mohd Yamin, Shafiqe Abdul Rahim dan Razak Osman.

Pertandingan yang diadakan di Stadium Hassanal Bolkiah Berakas Brunei Darussalam itu menyaksikan Special Olympics Labuan telah mendapat naib johan setelah tewas kepada pasukan tuan rumah di perlawanan akhir.

Manakala pasukan senior yang juga juara bertahan edisi ke 9 juga mendapat naib johan setelah tewas kepada tuan rumah dengan jaringan 1-0.

Special Olympics Labuan juga disertai oleh 9 orang lagi dari ahli PDK (Pusat Pemulihan Komuniti) Labuan yang juga majoriti merupakan bekas pelajar SMK Lajau.

Kedua-dua pasukan ini telah dilatih dan diringi oleh En Mohd Azhar Bin Kasiman (PPKI SMK.Lajau) dan En.Wong Foo Fook Nelson (Special Olympics Labuan)

Kejohanan kali ini disertai oleh tiga negara iaitu Brunei Darussalam dengan menghantar 4 pasukan, Indonesia diwakili oleh Kalimantan Utara, 2 pasukan, Kalimantan Selatan 2 pasukan. Manakala pasukan Malaysia diwakili negeri Sarawak, 2 pasukan, Sabah 1 pasukan dan Labuan, 2 pasukan.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Yang berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Negeri Sarawak akan menjadi tuan rumah bagi edisi seterusnya.

50 Orang Murid diraikan Pada Majlis Konvokesyen Prasekolah Peringkat SK Patau-Patau



Labuan – Seramai 50 orang murid prasekolah diraikan pada majlis Konvokesyen Prasekolah Peringkat Sekolah Kebangsaan Patau-Patau yang diadakan di salah sebuah hotel di pulau ini, ahad lepas. Majlis gilang-gemilang itu dirasmikan Ketua Sektor, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Puan Maimoon binti Haji Matnoh mewakili Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan.

Berucap merasmikan majlis tersebut, Puan Maimoon berkata program seumpama ini mampu menjadi asas untuk menjana modal insan yang berkualiti, berahlak mulia, kreatif, inovatif, dan berdaya saing. Menurutnya, ia sejahtera dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara yang ingin melahirkan insan yang seimbang dari segenap aspek.

Pada majlis tersebut, adik Nur Zureen Zulaiqha binti Adzmy dari Prasekolah Cerdik dan Nur Syamimi Balqis binti M.Fakrorozi dari Prasekolah Pintar dinobatkan sebagai Murid Prasekolah Cemerlang Tahun 2017. Anugerah disampaikan Ketua Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Prasekolah Jabatan Pendidikan Labuan, Puan Diah binti Md. Yussof

Sempena majlis itu, turut diadakan penyampaian Sijil

Tahun 6 kepada 43 orang murid Tahun 6 yang bakal menamatkan sesi persekolahan di SK. Patau-Patau tahun ini.



Puan Diah menyampaikan hadiah kepada murid prasekolah SK Patau-Patau

Hadir sama pada majlis ini, Guru Besar SK. Patau-Patau, Encik Abd. Rahman bin Salim, Yang Di Pertua PIBG SK Patau-Patau, Encik Nizam bin Yasin, Pengurus Waris Prasekolah, Mariani binti Alidin, guru-guru, Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) serta ibu bapa murid.

Executive Talk TS25



Labuan, 16 Nov – Program *Executive Talk Transformasi Sekolah 2025* atau ringkasnya TS25 telah memberi pengetahuan dan idea yang cukup bermakna kepada barisan pentadbir pengurusan jabatan dan sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Peserta program disajikan dengan perkongsian ilmu secara santai mengenai TS25 oleh Puan Murni Jaafar, Guru Besar SK Tanjung Aru, Labuan dan Perkongsian amalan terbaik sekolah oleh Puan Jijah Mohamad Suhai, Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun, Labuan.

Program TS25 merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah meningkatkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti.

Mengaplikasikan amalan terbaik dalam pelaksanaan pengurusan dan kepimpinan serta pedagogi dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Empat buat sekolah di Labuan telah terpilih dalam program Transformasi Sekolah 2025 iaitu SMK Taman Perumahan Bedaun, SK Tanjung Aru, SK Sungai Bedaun dan SMK Lajau.

Dalam ucapan aluan, Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan WP Labuan, Encik Raisin Saidin berkata TS25 adalah satu usaha ke arah melahirkan modal insan unggul melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, disokong kepimpinan yang berkualiti dan berwawasan.

Katanya lagi, guru yang kompeten dan beraspirasi tinggi, ditambah komitmen komuniti yang padu juga penyumbang utama dalam membangunkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dengan mengutamakan kemenjadian murid.

Peserta terdiri dari barisan ketua sektor, pengetua dan guru besar serta pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan WP Labuan.

Jamuan Gemilang (Lunch Gathering) PPKI SMK Lajau



LABUAN: Pelajar Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) SMK Lajau gembira apabila satu Majlis Jamuan Gemilang (Lunch Gathering) diadakan pada 11 November 2017 bertempat di Grand Dorsett Labuan. Majlis yang dianjurkan oleh BIRO (PIBG) PPKI SMK Lajau diadakan untuk menghargai dan mengiktiraf kecemerlangan pelajar sepanjang tahun 2017.

Encik Mohd Jamatin bin Abd Latip, Pengetua SMK Lajau, menyempurnakan majlis itu yang turut dihadiri oleh Pengurus BIRO , Puan Fatimah binti Haji Yahya beserta Timbalannya, Encik Norazmi bin Mat, Penolong Kanan PPKI SMK Lajau, Puan Noraini binti Haji Sabudin bersama Barisan Pentadbir SMK Lajau, ibu bapa, dan pelajar-pelajar PPKI SMK Lajau. Mohd Jamatin dalam ucapannya menyambut baik aktiviti dan program seperti itu kerana dapat memberi penghargaan kepada pelajar dalam bidang akademik, ko-kurikulum dan juga dari segi kemahiran. Tambah beliau, pelajar ini sebenarnya mempunyai pelbagai kecerdasan yang boleh dicungkil, dipupuk dan dikembangkan ke arah kecemerlangan individu yang optimum.



Puan Fatimah, (empat, kiri) Pengurus Persatuan Ibu Bapa dan Guru PPKI SMK Lajau, bergambar bersama guru-guru PPKI

SMK Lajau

Fatimah, Pengerusi BIRO PIBG dalam ucapannya turut menyanjung tinggi kesungguhan guru-guru kerana bertungkus lumus menjayakan majlis tersebut. Beliau juga berterima kasih kerana komitmen dan semangat yang ada dalam diri guru-guru dalam mendidik pelajar-pelajar berkeperluan khas dan berharap usaha murni itu dapat diteruskan pada masa akan datang.

Majlis itu dimulakan dengan penyampaian anugerah kecemerlangan pelajar dalam bidang Kurikulum, Hal Ehwal Murid, dan Ko-Kurikulum. Majlis tersebut juga turut dimeriahkan dengan sambutan hari lahir pelajar, persembahan nyanyian dari pelajar dan acara cabutan bertuah.

Majlis gilang gemilang itu turut mendapat sumbangan berbentuk hamper, baucer, dan juga wang ringgit. Antara penyumbang, Koperasi SMK Lajau, Petronas Methanol Labuan Sdn. Bhd, Hotel Grand Dorsett Labuan, Pemborong WCW, Kedai Cantik Murah House, Kedai Buku United Joncho, Pirana Jaya Enterprise, Kedai Nove Deep Enterprise, Kedai Emas Shun Yick, Kedai Runcit Tanjung Aru, dan Kedai Soon V Trading, Kedai Hoi Peng Hardware, Restoran JJ Nazar, Sabah Flour Labuan, dan Crystal Bright Stationery. Sumbangan daripada orang perseorangan , adalah Pn Jasmine Abdullah, , Datin Stacy Lee Laye Ying, Hajah Fauziah Datuk Mohd Din, Datin Emma Kilo, Madam Teo Chip Guan, Mr. Darius Hiew, Mr. Chan Kok Ung, , En. Johnny, dan Pn. Aisah.



Gembira. Pelajar PPKI SMK Lajau, bersama Mohd Jamatin, bergambar bersama beg dan alat tulis yang disumbangkan oleh Petronas Methanol Labuan Sdn. Bhd,

Sumber Berita : SMK Lajau